

MUIP salur RM40,000 siapkan surau sekolah pondok

[Mohd Rafi Mamat](#) - Julai 26, 2021 @ 8:08am

bhnews@bh.com.my



Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Baitulmal dan Operasi) MUIP, Dr Asmadi Abdul Rahman (dua dari kiri) melawat surau Pondok Ribat Sullamuttaufiq yang dalam pembinaan. - Foto NSTP/Mohd Rafi Mamat

PEKAN: Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) menyalurkan bantuan RM40,000 kepada pengurusan Pondok Ribat Sullamuttaufiq, di sini bagi menyiapkan pembinaan surau pusat pendidikan Islam itu.

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Baitulmal dan Operasi) MUIP, Dr Asmadi Abdul Rahman, berkata surau terbabit mampu memuatkan lebih 100 pelajar dalam satu masa.

Katanya, surau itu kini dalam fasa akhir pembinaan dan diharap dapat disegerakan untuk kemudahan pelajar pada sesi persekolahan akan datang.

"Surau itu amat penting untuk melancarkan aktiviti pendidikan.

"Pondok Ribat Sullamuttaufiq adalah antara pusat pendidikan Islam di bawah selian MUIP," katanya.

Beliau berkata demikian selepas melawat dan menyampaikan bantuan pembinaan surau Pondok Ribat Sullamuttaufiq, Pusat Pengajian Islam al Quran dan As Sunnah Kampung Tanjung Agas, di sini semalam.

Dalam pada itu Asmadi berkata, sekolah agama dan pondok yang berdaftar dengan MUIP perlu sentiasa mematuhi peraturan bagi mengelak masalah dalam menguruskan pusat pendidikan agama itu.